

02/03/2001

Rumah terbuka PM di Jitra

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan Rumah Terbuka Aidiladha di Dewan Jitra, Jitra, antara jam 11 pagi hingga 3.30 petang Selasa ini.

Pemangku Setiausaha Umno Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad berkata Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu dan Ketua Umno bahagian dijadual menyerahkan lembu korban di Kampung Alor Batu, Mukim Gelung, Tunjang; Kampung Cherok Latah, Mukim Wang Tepus dan di kediaman Perdana Menteri di Titi Gajah, kesemuanya di Jitra, Isnin ini.

Perdana Menteri akan mengadakan lawatan tiga hari ke Kedah mulai Ahad. Program lawatannya meliputi merasmikan mesyuarat agung Umno cawangan dalam bahagian Kubang Pasu pada Ahad.

Pada Isnin, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno bahagian Pendang dan Yan di Sekolah Menengah Agama Yan serta merasmikan projek Kota Perdana-Asean Industrial Metropolis 2010 di Bukit Kayu Hitam.

(END)